

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 27 OGOS 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14345
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meneroka potensi ekonomi biru di Sabah dan menjalin kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi menjana hasil serta manfaat yang signifikan kepada negara melalui pendekatan bersama.
2. PN-1542-L14655
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan inisiatif Kerajaan di bawah RMK-13 bagi membantu usahawan mikro dan kecil komuniti India mendapatkan akses kepada latihan, pendigitalan dan pembiayaan modal.
3. PN-1542-L14168
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan tentang hutang Kerajaan yang meningkat kepada RM1.22 trilion yakni sekitar 81.8 peratus daripada KDNK justeru memperlihatkan dasar Kerajaan dilihat kurang memberi tumpuan kepada pengurusan liabiliti jangka panjang dan program pengurangan kemiskinan mampan.
4. PN-1542-L14515
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hasil dapatan daripada Sesi Libat Urus Pelan Transisi Kepimpinan Belia anjuran KBS yang telah mempengaruhi keputusan Menteri untuk meneruskan penguatkuasaan had umur belia di bawah 30 tahun, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

5. PN-1542-L14151
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan ketegasan Malaysia dalam menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan Islamofobia berikutan normalisasi sentimen anti-Islam semakin digunakan untuk mewajarkan serangan terhadap umat Islam di seluruh dunia.
6. PN-1542-L14573
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian dalam menangani krisis bekalan air di Lembah Klang berikutan gangguan Loji Rawatan Air (LRA) yang kerap, serta perancangan jangka panjang bagi menjamin kestabilan dan kelestarian bekalan air di kawasan tersebut.
7. PN-1542-L14445
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peranan Kementerian dalam memastikan inovasi dan teknologi baharu menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dalam RMK13.
8. PN-1542-L14492
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah inisiatif "Malaysia Digital" dirangka bagi memastikan capaian jalur lebar yang lebih meluas, kos yang mampu milik, dan paling penting, sambungan internet yang stabil dan tanpa gangguan di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar, agar tiada rakyat yang terus tercicir daripada arus digitalisasi nasional.
9. PN-1542-L14330
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan Malaysia menjadi pengeluar biobahan api penerbangan lestari (SAF) pada tahun 2027.
10. PN-1542-L13921
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Malaysia berhasrat untuk membangunkan model *sovereign large language* tersendiri yang menggunakan Bahasa Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan memastikan projek tersebut tidak akan di dominasi oleh syarikat asing yang besar yang membekalkan infrastruktur *cloud*.

11. PN-1542-L14233

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah fokus dan bentuk bantuan bagi meningkatkan keupayaan khidmat dan operasi 9 hospital pengajar IPTA serta sejauh mana peruntukan kewangan Persekutuan bagi pembiayaan program khusus untuk memantapkan penyelidikan dan pembangunan dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

12. PN-1542-L14663

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan proses baik pulih Istana Budaya yang berlangsung selama dua tahun dan apakah langkah alternatif untuk memastikan kegiatan seni budaya berskala besar tidak terhenti dalam tempoh proses baik pulih itu.

13. PN-1542-L14541

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah rasional di sebalik arahan Jabatan Imigresen yang hanya membenarkan bayaran levi Visa Dengan Rujukan (VDR) dibuat melalui kad kredit atau kad debit sedangkan majoriti syarikat tidak memiliki kemudahan tersebut; dan
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa penggunaan kad kredit atau kad debit individu untuk jumlah besar boleh menimbulkan implikasi cukai, risiko keselamatan dan isu ketelusan dalam urusan pembayaran.

14. PN-1542-L14129

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memanfaatkan teknologi mampan seperti pertanian pintar (smart farming), penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan sistem pengairan cekap bagi meningkatkan hasil serta sejauh manakah teknologi ini dimanfaatkan oleh petani luar bandar dan sokongan yang diberikan.

15. PN-1542-L13957

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil pelaksanaan seperti inovasi, pemakaian sistem digital dan data melalui inovasi kecerdasan buatan (AI) sedia ada di bawah RMKe-12 memandangkan banyak peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut.

16. PN-1542-L14315
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan selain daripada National Renal Registry yang dikendalikan secara aktif, adakah kita mempunyai registry yang aktif untuk organ lain seperti hati, jantung dan paru-paru. Apakah kadar transplan untuk hati, jantung dan paru-paru berbanding negara-negara maju dan mengapa kadar di negara ini masih kekal rendah .

17. PN-1542-L13931
Senator Puan Susan Chemera Anding minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengambilan pekerja serta kadar gaji permulaan graduan daripada institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan apakah intervensi spesifik dan bersasar yang dilaksanakan untuk tahun 2025 untuk mengurangkan jurang kemahiran mengikut industri dan untuk memperbaiki metrik tersebut.

18. PN-1542-L14297
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah menyeluruh Kerajaan bagi menjamin kebajikan pekebun kecil getah di Sabah, termasuk penambahbaikan akses Insentif Pengeluaran Getah (IPG), peluasan tanaman semula berkelompok, serta pembinaan depoh getah berteknologi tinggi untuk memantapkan rantai nilai industri getah tempatan.

19. PN-1542-L14097
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan statistik keseluruhan menara telekomunikasi yang sedia ada di seluruh negeri Sarawak dan apakah perincian Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Keempat (MED4IR) dalam menangani masalah menara kosong dan kawasan liputan komunikasi di Sarawak.

20. PN-1542-L14351
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terperinci dasar baharu pengurusan bencana negara yang menjadi asas kepada penggubalan undang-undang khusus berkaitan pengurusan bencana serta apakah jangka masa pelaksanaannya memandangkan kejadian bencana banjir hampir setiap tahun berlaku .

21. PN-1542-L14018

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membaik pulih dan meningkatkan keselamatan jalur utama Gua Musang-Kuala Krai (Jalan FT008), khususnya berkaitan pemasangan lampu jalan dan garisan putih yang sudah pudar.

22. PN-1542-L14040

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian dapat menyediakan kemudahan perbankan kepada penduduk Sungai Asap, Belaga dan apakah kekangan yang dihadapi dalam menyediakan kemudahan bank di kawasan pedalaman seperti Sungai Asap; dan
- (b) adakah Kementerian memberikan lesen kepada pihak tertentu agar banyak kemudahan mesin ATM dapat ditempatkan di Pekan Sungai Asap.

23. PN-1542-L14613

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pendaftaran bagi jalan balak di kawasan pedalaman Sarawak di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) sehingga Julai tahun 2025 dan sejauh manakah komitmen terbaharu Kementerian dalam menaik taraf jalan-jalan balak di pedalaman Sarawak.

24. PN-1542-L13936

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan atau mengintergrasi Skim MySalam dan Skim Perubatan MADANI bagi membentuk satu sistem perlindungan kesihatan B40 yang holistik, mampan dan bersepadu.

25. PN-1542-L14505

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) tahap kesiapsiagaan Malaysia dalam mengaplikasikan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sektor pendidikan awam dengan menjadikan model Korea Selatan sebagai rujukan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan mengadakan kerjasama pertukaran pengetahuan dengan Korea Selatan berkaitan integrasi AI dalam sektor pendidikan awam.

26. PN-1542-L14119
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan nilai pelaburan sebenar yang telah direalisasikan dalam tahun 2023 dan 2024 berbanding jumlah pelaburan yang telah diluluskan (approved investments) serta kemukakan pecahan mengikut FDI (pelaburan asing) dan DI (pelaburan domestik) dan peratusan kadar realisasi bagi setiap kategori.
27. PN-1542-L13998
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan jangka panjang supaya 'food estate' yang dilaksanakan di beberapa buah negara dapat juga diperluaskan di negara ini sebagai langkah menjamin keselamatan dan kecukupan makanan negara.
28. PN-1542-L14379
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah senarai projek pembangunan di Negeri Perlis yang menjadi keutamaan dalam pelaksanaannya sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).
29. PN-1542-L14435
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil bagi mengubah suai laluan atau membina semula kawasan-kawasan di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak yang kerap berlaku kemalangan atau dikenal pasti sebagai berisiko tinggi berlakunya kemalangan.
30. PN-1542-L14243
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian telah memasukkan polisi satu peratus pekerja OKU di dalam Akta Kerja 1955 dan jika belum, bilakah Kementerian akan memasukkan polisi ini dalam Akta Kerja 1955.
31. PN-1542-L14395
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme pemantauan berkala yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) masih memenuhi syarat kelayakan, khususnya syarat tidak memiliki rumah sendiri.

32. PN-1542-L14203

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam memperbaharui Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) yang ternyata gagal dalam memastikan pemandu kenderaan berat lebih kompeten demi keselamatan awam serta adakah Kementerian bercadang untuk mengembalikan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan mempunyai peranan lebih besar dan bebas mengatasi masalah ini.

33. PN-1542-L14478

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan penubuhan pasukan petugas antara Kementerian bagi menangani masalah Penginapan Sewa Pendek Tidak Berlesen (STRAS), yang kini berleluasa di Online Travel Agency (OTA) dan media sosial sehingga boleh menjejaskan keselamatan pelancong, penerimaan cukai dan daya saing hotel yang berdaftar.

34. PN-1542-L14405

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca dan langkah penyelesaian kepada masalah kelewatan berpanjangan dalam pembayaran penuh insentif membajak dan menuai yang tertunggak sejak tiga musim penanaman lalu meskipun pelbagai janji jaminan sudah diberikan Kementerian sebelumnya.

35. PN-1542-L14638

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambah peruntukan bagi meningkatkan bilangan ambulans di klinik-klinik kesihatan, terutamanya di kawasan berpenduduk padat, bagi memastikan perkhidmatan kecemasan dapat disampaikan dengan lebih efisien.

36. PN-1542-L14085

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah strategik bagi membangunkan dan meningkatkan pembangunan ekonomi setempat di kawasan Jerai.

37. PN-1542-L14553

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menggantikan surau Sekolah Kebangsaan Kampung Nyior, Paka, Terengganu yang telah usang dan tidak lagi selamat digunakan.

38. PN-1542-L14066

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pencapaian utama menerusi Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan di seluruh negara, khususnya dalam aspek peningkatan purata pengeluaran hasil padi.

39. PN-1542-L14377

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) kos, agenda harian, senarai delegasi dan hasil lawatan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang ke United Kingdom pada 5 hingga 10 Julai 2025; dan
- (b) berapakah jumlah ahli lembaga yang menghadiri sesi perjumpaan bersama pelajar Peperiksaan Sijil Amalan Guaman pada tahun ini.

40. PN-1542-L14495

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penurunan harga RON95 kepada RM1.99 seliter bermula September akan tertakluk kepada pelarasan mingguan berdasarkan Mekanisme Harga Automatik (APM).

41. PN-1542-L13976

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah program di peringkat sekolah dan komuniti yang akan dilaksanakan untuk mengatasi kesihatan mental murid dan remaja serta memperluaskan kemudahan kaunseling.

42. PN-1542-L14430

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan anggaran jumlah keseluruhan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) serta nisbah pelaburan antara sektor awam dan sektor swasta.

43. PN-1542-L14364

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana usaha untuk Malaysia menguasai pasaran antarabangsa industri halal yang dijangka meningkat kepada AS7.7 trilion menjelang tahun 2030.

44. PN-1542-L14223

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan serta status semasa projek pembinaan Kompleks Hospital Wanita dan Kanak-Kanak di Hospital Melaka, dan bilakah tarikh pelaksanaan tender bagi projek ini dijangka akan dibuat.

45. PN-1542-L14320

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan isu pemilikan tanah ini agar projek pembinaan asrama yang telah diluluskan ini dapat dilaksanakan tanpa sebarang kelewatan, sekali gus memastikan pelajar luar bandar tidak terus terkesan akibat ketiadaan kemudahan asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran.

46. PN-1542-L14305

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah terdapat peningkatan kes demam campak (measles) mengikut negeri bagi lima tahun lepas; dan
- (b) bagaimana strategi kempen MRSIA akan dijalankan dan berapa kos per dos vaksin MR yang telah dibeli oleh Kementerian serta mengapa kempen ini tidak dihadkan ke lokaliti berisiko tinggi sahaja.

47. PN-1542-L14109

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan untuk mengelakkan kejadian hutan yang terbakar seperti di belakang UiTM Mukah baru-baru ini tidak berulang dan apakah perancangan Kerajaan untuk mengelakkan bencana pada masa depan; dan
- (b) apakah sebab-sebab berlakunya kebakaran hutan di negara ini.

48. PN-1542-L14054

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan output utama daripada kajian-kajian yang dilakukan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkenaan ancaman Kristian Evangelist terhadap negara dan institusi di dalamnya serta tindakan yang digerakkan Kerajaan bagi membendung ancaman yang wujud.

49. PN-1542-L14277
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah teknologi digital boleh digunakan untuk meningkatkan tahap pendidikan, kesihatan dan ekonomi Orang Asli.
50. PN-1542-L14450
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek naik taraf sekolah-sekolah daif di Sabah khususnya untuk tahun 2025 terutamanya bagi Sekolah Kebangsaan Tanaki Papar dan Sekolah Kebangsaan Gana yang masih menggunakan bangunan kayu serta menghadapi kerosakan serius di bahagian struktur sekolah.
51. PN-1542-L14676
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan transformasi yang dilakukan untuk menjadikan kolej komuniti di negara ini memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan dalam pembentukan masyarakat yang progresif serta tahan diuji tantangan zaman.
52. PN-1542-L13901
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menerima pakai amalan mengklasifikasikan individu atau organisasi yang menyumbang jumlah duit yang banyak kepada ahli politik atau parti politik sebagai pihak berpengaruh politik.
53. PN-1542-L14139
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah tahap pelaksanaan dan pencapaian awal sistem Xpats Gateway yang telah dipertingkatkan menjadi platform sehenti bagi membolehkan majikan menguruskan Pas Lawatan Kerja (EP) dan Pas Lawatan Profesional (PVP) melalui satu portal, termasuk kelulusan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan iklan MYFutureJobs di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO).
54. PN-1542-L14253
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan tetap berhasrat melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada tahun ini serta bagaimanakah strategi pelaksanaannya.

55. PN-1542-L13988

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar Kementerian dalam pengiraan penerbitan buku ilmiah dalam Bahasa Melayu, selain penerbitan dalam jurnal berwasit sebagai KPI utama bagi pensyarah universiti, khususnya Universiti Penyelidikan (RU) dalam proses kenaikan pangkat.

56. PN-1542-L14452

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bentuk inisiatif Kerajaan yang menyasarkan warga emas selepas pencen yang ingin kembali bekerja, melalui program latihan semula iaitu *upskilling* dan *reskilling* atau peluang pekerjaan, sejajar dengan keperluan negara yang mulai menua.

57. PN-1542-L14028

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rasional strategik dan objektif jangka panjang penggabungan Halal Development Corporation (HDC) dengan Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), dan sejauh mana penggabungan ini dijangka menyumbang kepada hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab utama eksport halal dunia menjelang tahun 2030.

58. PN-1542-L14188

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan kelancaran pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B untuk mengelakkan kelewatan projek pada masa hadapan.

59. PN-1542-L14531

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah impak tarif import terkini yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump terhadap negara-negara ahli BRICS termasuk cadangan tarif 10% kepada ahli BRICS dan 25% terhadap Malaysia; dan
- (b) adakah Kerajaan menganggarkan jumlah beban tarif Malaysia boleh mencecah 35% jika senario ini dilaksanakan dan apakah langkah mitigasi yang telah dirancang.

60. PN-1542-L14621

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah kaedah dan prosedur pemberian pampasan kepada masyarakat Orang Asli sekiranya terdapat projek pembangunan Kerajaan atau swasta di kawasan penempatan mereka.

61. PN-1542-L14161

Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian telah menjalankan sebarang kajian epidemiologi berkaitan insiden penyakit *Type-1 Diabetes Mellitus* serta penyakit autoimun dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 30 tahun ke atas, selepas mereka menerima suntikan vaksin imunisasi COVID-19 antara tahun 2021 hingga 2022; dan
- (b) sekiranya ada, apakah langkah-langkah untuk memberi rawatan pemulihan kepada pesakit-pesakit yang mengalami kesan sampingan susulan imunisasi.

62. PN-1542-L14637

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula standard serta kualiti tahap pemanduan kenderaan seperti bas dan lori berikutan jumlah kemalangan melibatkan kenderaan-kenderaan berat yang semakin meningkat.

63. PN-1542-L14266

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pengiktirafan perubatan tradisional Orang Asli dapat diadaptasikan seiring dengan perkembangan perubatan moden.

64. PN-1542-L13949

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan lebih 200 permohonan elektrik luar bandar oleh penduduk rumah panjang dan individu di Saratok dan Kabong tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan tidak mencukupi dan apakah tindakan susulan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Sarawak bagi menyelesaikan masalah ini.

65. PN-1542-L14062

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan diplomasi Malaysia terhadap konflik serantau baru-baru ini dan sebagai pengerusi ASEAN yang dapat memainkan peranan penting dalam memastikan kesediaan menangani isu pencerobohan kawasan perairan negara di Laut China Selatan.

66. PN-1542-L14043

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen Kerajaan dalam mengkaji semula nilai pajakan tahunan Pulau Pinang kepada Negeri Kedah selaras dengan perkembangan semasa, serta usaha Kerajaan untuk menaikkan kadar pajakan tersebut melebihi RM100 juta sebagai langkah memperbetul ketidakseimbangan sejarah dan meningkatkan hasil negeri secara adil.

67. PN-1542-L14213

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) status terkini sambutan terhadap insentif-insentif cukai yang diberikan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk menyediakan TASKA di tempat kerja yang sangat memudahkan pekerja; dan
- (b) perancangan Kementerian bagi menggalakkan dan meluaskan pelaksanaan di syarikat swasta.

68. PN-1542-L14264

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan selain daripada pendekatan diplomasi dan rundingan, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menangani ketegangan geopolitik di Laut China Selatan. Adakah Malaysia dan negara-negara ASEAN menghadapi dilema untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap China disebabkan kebergantungan ekonomi yang tinggi terhadap negara tersebut.

69. PN-1542-L14563

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana pihak Kementerian memastikan ketelusan dalam perancangan serta pelaksanaan projek pembangunan ekonomi terutama yang tertanggung sehingga mengakibatkan kos pelaksanaan meningkat berbanding kos awal semasa diluluskan dan apakah mekanisme pihak Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu ini.

70. PN-1542-L14686
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status *feasibility studies* bagi jambatan Labuan dan adakah pihak Kerajaan terbuka kepada pembinaan jambatan tersebut melalui kaedah inisiatif pembiayaan swasta (PFI).
71. PN-1542-L14178
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) akan mengkaji semula peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan had bidang kuasa Mahkamah Sivil terhadap Mahkamah Syariah bagi mengelakkan campur tangan Mahkamah Sivil terhadap kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.
72. PN-1542-L14524
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dalam menyelesaikan masalah perbezaan pengelasan harga tambang dan speksifikasi bas ekspres antara kelas ekonomi dan kelas eksekutif.
73. PN-1542-L13911
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan graduan perubatan dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang tidak ditawarkan latihan perubatan siswazah dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan bilangan graduan yang telah meninggalkan negara kita terutamanya untuk ke Singapura.
74. PN-1542-L14583
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah diambil untuk mengurangkan bilangan kes penahanan tanpa bicara (detention without trial).
75. PN-1542-L14593
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan senarai dasar negara yang telah dijadikan tarif timbal balas dalam rundingan dengan Amerika Syarikat bagi mendapatkan pengurangan tarif import ke atas produk Malaysia serta justifikasi terhadap setiap tarif timbal balas tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

merestui ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

– menyambung semula Perbahasan atas masalah [26 Ogos 2025]

2. (D.R.21/2025) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Perdana Menteri]

3. (D.R.14/2025) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]

4. (D.R.13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

5. (D.R.11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

6. (D.R.12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

7. (D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

- | | | | |
|-----|------------------|---|--------------------------|
| 8. | (D.R.7/2025) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] | Bacaan Kali Kedua |
| 9. | (D.R. 19/2025) | Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025

[Menteri Kerja Raya] | Bacaan Kali Kedua |
| 10. | (D.R. 17/2025) | Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025

[Menteri Kesihatan] | Bacaan Kali Kedua |
| 11. | (D.R. 16/2025) | Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025

[Menteri Dalam Negeri] | Bacaan Kali Kedua |
| 12. | (D.R. 18/2025) | Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] | Bacaan Kali Kedua |
| 13. | (D.R. 15/2025) | Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)

[Perdana Menteri] | Bacaan Kali Kedua |
| 14. | (D.R. 20/2025) | Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025

[Menteri Pendidikan] | Bacaan Kali Kedua |